

**NO. SOALAN: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]**

**TARIKH : 18 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6513**

**SOALAN:**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah konkrit, tegas dan pantas dalam membasmi perbuatan-perbuatan pihak pembangkang yang semakin berani serta biadap mencabar dan menghina institusi-institusi penting seperti kedaulatan Raja-raja Melayu, kesucian agama Islam, keluhuran perlembagaan, integriti kehakiman dan maruah PDRM.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap tindakan oleh pihak-pihak tertentu yang dengan sengaja dan berani mencabar serta menghina institusi-institusi penting seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Jasin. Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melakukan pemantauan dan risikan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Jasin iaitu perbuatan mencabar dan menghina institusi-institusi penting seperti kedaulatan Raja-raja Melayu, kesucian agama Islam, keluhuran perlembagaan, integriti kehakiman dan maruah PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hubungan ini, tindakan yang sewajarnya akan diambil berdasarkan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948 dengan izin Yang Dipertua tanpa "*double standard*" terhadap mana-mana orang perseorangan, kumpulan ataupun pertubuhan sekiranya hasil siasatan mendapati perbuatan mereka benar-benar melanggar undang-undang di negara ini. Dalam hal ini, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan disini bahawa siasatan pihak Polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang dan semua laporan Polis yang dibuat akan disiasat dengan teliti sebelum mengambil apa-apa tindakan perundangan.